

## **PROSIDING**

# *Seminar* **POLITIK MALAYSIA**

### **Penyunting**

Worran Hj. Kabul  
Shireen Haron  
Mat Zin Mat Kib  
Abdul Kadir Rosline

# **ANALISIS PILIHAN RAYA: MODEL KEPERLUAN GABUNGAN KUASA DAN KEMENANGAN MAJORITI**

*Saadon Awang*

## **ABSTRAK**

*Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 telah memberi satu dimensi baru kepada lanskap politik Malaysia. Parti pemerintah yang secara tradisi menguasai majoriti besar dalam hampir semua pilihan raya sebelum ini telah mendapat satu cabaran baru apabila kemenangan secara tradisi itu bukan sahaja dikurangkan, malahan hampir dinafikan. Beberapa negeri turut tumbang atau tidak dapat dikuasai oleh parti pemerintah Kerajaan Pusat. Kertas ini cuba menjelaskan keperluan wujudnya gabungan parti politik dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia dan kemenangan berdasarkan majoriti manakah yang boleh menjamin kestabilan sesebuah kerajaan yang dibentuk. Kertas berbentuk perbincangan konsep ini mengutarakan Model Keperluan Gabungan Kuasa dan Kemenangan Majoriti untuk menunjukkan hubungan antara kedua-dua angkubah. Penghubung (moderator) kepada hubungan ini ialah melalui faktor 6C iaitu Coalition, Cooperation, Compromise, Conspiracy, Contingency dan Consequences. Coalition menjadi asas kepada matlamat untuk mendapatkan kuasa, manakala Cooperation dan Compromy menjadi kaedah perlaksanaan kepada kuasa dengan Conspiracy dan Contingency menjadi alternatif kepada perlaksanaan itu apabila kuasa yang diperoleh itu tergugat. Semua ini hanya dapat dilakukan dengan berasaskan pada sejauh mana pihak yang memegang kuasa (pemerintah) itu memegang kuasa majoriti melalui mandat yang diberikan kepada mereka. Kesan-kesan ini dijelaskan melalui faktor Consequences. Adalah diharapkan model ini akan menjadi panduan kepada parti-parti politik dan pihak pihak yang berkenaan dalam merangka strategi dan percaturan ke arah mendapat kemenangan dan mencapai matlamat berada di tumpuk kuasa pemerintahan negara pada masa hadapan.*

## **PENGENALAN**

Pilihan raya merupakan satu kaedah untuk mencapai matlamat politik parti-parti yang beroperasi dalam sistem demokratik (Rodee *et.al.*, 1983: 46). Matlamat berada di puncak kuasa menjadi cita-cita setiap ahli politik melalui perantaraan (*medium*) parti politik yang disertai (*associated*). Bagi yang belum pernah berada di tahap tertinggi itu akan berusaha walau dengan apa cara sekalipun untuk mencapai cita-cita tertinggi itu. Manakala bagi yang telah berada di tahap tertinggi itu akan juga berusaha walau dengan apa cara sekalipun untuk mengekalkan kedudukan itu.

Terma ‘berusaha dengan apa cara sekalipun’ menggambarkan satu usaha yang bersungguh-sungguh untuk berada di puncak ‘kuasa politik’ sesebuah negara. Oleh sebab itulah kadang kala wujudnya pandangan bahawa ‘politik itu adalah sesuatu yang kotor’. Semuanya disebabkan oleh langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang dihalakan ke arah mencapai matlamat yang utama (*ultimate goal*) itu.


Persoalan mengapa ahli-ahli politik sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai cita-cita politik mereka memang sukar dijawab. Demikian juga dengan persoalan tentang apa yang boleh dilakukan dengan sejumlah kuasa yang diperolehi. Manakala bagi individu yang berada di luar skop pengajian bidang politik akan sukar untuk memahami bagaimana kuasa politik membolehkan seseorang menguasai berbagai sumber, termasuk sumber manusia dan sumber bukan manusia.

Pilihan Raya Umum Kedua Belas di Malaysia telah membuka satu lembaran baru kepada lanskap politik kepartian di negara ini. Suasana ‘perayaan biasa’ di musim pilihan raya sejak 50 tahun dahulu telah bertukar menjadi suatu perayaan ‘luar biasa’ dalam kalender pilihan raya negara ini. Malahan tidak ketinggalan wujudnya pandangan bahawa tampanan yang dirasai oleh parti yang pernah memegang kuasa sejak negara mencapai kemerdekaan adalah ibarat pukulan ‘tsunami’, gelombang besar yang melanda pantai. Rujuk Lampiran A.


Keadaan ini bagaimanapun telah membuka peluang kepada semua pihak untuk sama-sama cuba memberi perhatian kepada sekurang-kurangnya aspek politik negara. Analisis, komentar, pandangan, cadangan, jangkaan, andaian dan sebagainya telah mula mengisi laman-laman dan perbincangan media. Orang awam juga tidak ketinggalan untuk turut serta dalam lanskap baru politik negara ini. Untuk tujuan itu, kertas berbentuk perbincangan konsep ini mengutarakan satu model yang dinamakan Model Keperluan Gabungan Kuasa dan Kemenangan Majoriti untuk menunjukkan hubungan di antara kedua-dua angkubah, iaitu keperluan kepada kuasa dan juga kemenangan yang diperlukan untuk mencapai matlamat kuasa itu.

## KERANGKA KONSEPTUAL


Penghubung (*moderator*) kepada hubungan ini ialah melalui faktor 6C iaitu *Coalition*, *Cooperation*, *Compromise*, *Conspiracy*, *Contingency* dan *Consequences*. *Coalition* menjadi asas kepada matlamat untuk mendapatkan kuasa, manakala *Cooperation* dan *Compromise* menjadi kaedah perlaksanaan kepada kuasa dengan *Conspiracy* dan *Contingency* menjadi alternatif kepada perlaksanaan itu apabila kuasa yang diperolehi tergugat. Semua ini hanya dapat dilakukan dengan berasaskan kepada sejauhmana pihak yang memegang kuasa (memerintah) itu memegang kuasa majoriti melalui mandat yang diberikan kepada mereka. Kesan-kesan ini dijelaskan melalui faktor *Consequences*. Rajah 1 menunjukkan gambaran penuh kerangka konseptual yang menggambarkan hubungan semua faktor yang terlibat.



Rajah 1: Model Keperluan Gabungan Kuasa dan Kemenangan Majoriti



Rajah 2: Matlamat Puncak Kuasa Satu Gabungan dan Sebuah Negara



Rajah 3: Puncak Kuasa Gabungan dan Puncak Kuasa Negara yang Rosak (Leadership Decay) Satu Gabungan dan Negara

## DEFINISI OPERASIONAL

Faktor 6C melibatkan ENAM elemen iaitu *Coalition*, *Cooperation*, *Compromise*, *Conspiracy*, *Contingency* dan *Consequences* yang sebahagiannya merupakan elemen nyata dan sebahagiannya pula elemen terselindung. Di dalam rajah-rajab yang diutarakan, elemen-elemen tersebut ditunjukkan melalui garisan lurus terus (*a line*) dan garisan putus (*dotted line*). Penjelasan mengenai elemen-elemen yang terlibat adalah seperti di bawah.

### ***Coalition***

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum. Kita kenali masyarakat ini sebagai masyarakat majmuk (*plural society*). Di dalam konteks negara demokratik, setiap kaum mempunyai peluang yang sama untuk diwakili dalam kerangka kepimpinan negara. Walau bagaimanapun, dengan pecahan mengikut kaum yang kecil, ditambah dengan ‘perpecahan dalaman’ di dalam sesuatu kaum itu sendiri, adalah tidak mungkin bagi sesuatu kaum sahaja untuk memegang kuasa pemerintahan negara secara bersendirian. Oleh itu, gabungan kuasa (*coalition*) merupakan satu langkah praktikal ke arah mencapai matlamat memegang kuasa itu.

### ***Cooperation***

Kerjasama (*cooperation*) di antara ahli-ahli gabungan amatlah penting untuk menjayakan sesuatu kuasa berbentuk gabungan. Tanpa kerjasama gabungan tidak akan kukuh kerana parti-parti politik yang berbeza latar belakang tidak akan dapat mencapai hingga ke akar umbi kaum-kaum yang diwakili. Tanpa sokongan akar umbi, kuasa tidak akan dapat bertahan lama. Kerjasama akan membolehkan pihak-pihak yang bergabung berganding bahu ke arah mencapai matlamat kuasa secara bersama.

### ***Compromise***

Kerjasama merupakan satu bentuk persepakatan yang boleh dilihat secara nyata melalui berbagai aktiviti berkaitan politik yang berlaku. *Compromise* pula merujuk kepada satu persepakatan yang subjektif kerana melibatkan satu tolak ansur yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terlibat. *Compromise* akan melibatkan sesuatu pihak terpaksa melakukan pengorbanan untuk mencapai matlamat, walaupun terpaksa secara berkongsi. Biasanya pengorbanan yang dilakukan adalah berbentuk ‘*win-win situation*’ dalam konteks gabungan kuasa, walaupun ianya merupakan satu ‘*win-lose situation*’ bagi satu pihak secara individu kerana akan kehilangan sesuatu untuk mendapat sesuatu yang lain jika mengikut prinsip ‘kos melepas’ dalam sistem ekonomi.

### ***Conspiracy***

Kerjasama dan kompromi merupakan langkah-langkah biasa dan sering digunakan sebagai cara untuk mendapat dan mengekalkan kuasa. *Conspiracy* pula merupakan satu alternatif kepada langkah-langkah biasa yang sering digunakan ke arah mencapai matlamat kuasa itu. *Conspiracy* digunakan apabila langkah-langkah biasa mula tercabar atau tidak berkesan untuk digunakan. Ia boleh jadi juga langkah terakhir bagi kuasa gabungan yang berada di ambang kekalahan atau kehancuran. Jika *cooperation* dan *compromise* merupakan langkah-langkah *defensive*, *conspiracy* dilihat sebagai langkah *offensive* pihak-pihak yang menggunakan kerana ia boleh menjadi ‘senjata’ untuk menjatuhkan pihak lain. *Conspiracy* memerlukan teknik dan kemahiran (*skills and technique*)

tersendiri kerana satu kelebihannya ialah, ia boleh menjadi senjata yang akan ‘memakan diri’ jika tidak dilaksanakan dengan sebaiknya. Malahan di negara-negara yang mempunyai masyarakat yang terkehodapan (*advanced society*) di segi politik, penggunaan kaedah conspiracy adalah berlandaskan kepada teorinya tersendiri, yang berkembang pesat sejak pertengahan abad kedua puluh yang lalu (Wikipedia Encyclopedia). Profesor Cary Cooper, seorang profesor bidang psikologi di *University of Manchester Institute of Science and Technology* dan Jeffrey Bale, wartawan meja politik *British Broadcasting Corporation (BBC)* turut menekankan keperluan dan kegunaan kaedah conspiracy theory ini dengan menganjurkan bahawa:

*“Conspiracy theories account for current crises and upheavals and explain why bad things are happening to good people or vice versa,” (BBC, 22 Sep 2008)*

### **Contingency**

Satu lagi langkah alternatif ke arah mencapai matlamat kuasa ialah melalui langkah ‘membuat persediaan’ ke atas sebarang kemungkinan pelbagai strategi awal tidak mendatangkan hasil. Persediaan ke atas sebarang kemungkinan ini dinamakan sebagai pelan *contingency*. Kadang kala pelan *contingency* juga dikenali sebagai ‘Pelan B’ yang merujuk kepada langkah alternatif ke arah mencapai sesuatu matlamat.

### **Consequences**

Kesemua elemen yang menjadi langkah-langkah ke arah mencapai matlamat kuasa itu akan membawa pihak-pihak yang terlibat kepada satu kesan akibat keputusan atau tindakan mereka. Ini dikenali sebagai *consequences*. Kesan-kesan daripada keputusan atau tindakan yang diambil boleh terjadi dalam DUA bentuk, iaitu kesan langsung dan kesan tidak langsung. Kedua-dua kesan ini perlu diberi perhatian kerana boleh membawa kepada akibat yang sama, keteguhan ataupun keruntuhan gabungan yang ingin mencapai matlamat berada di puncak kuasa.

## **MODEL KEPERLUAN GABUNGAN KUASA DAN KEMENANGAN MAJORITI**

Model ini menjelaskan hubungan di antara keperluan bagi masyarakat majmuk untuk bergabung di antara kaum bagi mencapai matlamat politik masing-masing dan keperluan untuk memastikan bahawa gabungan itu menguasai sebahagian besar pengaruh politik bagi membolehkan mereka berada di puncak kuasa dengan kukuh dan stabil.


Model ini mencadangkan kemenangan majoriti sebagai kedudukan yang perlu dicapai oleh kuasa gabungan jika benar-benar ingin memastikan ia menguasai sumber-sumber yang diperlukan untuk menguasai kepimpinan sesebuah negara. Sumber-sumber yang diperlukan terdiri daripada sumber manusia dan sumber bukan manusia. Sumber merangkumi seluruh rakyat termasuk ahli-ahli parti sendiri dan parti lawan, ahli politik dan bukan ahli politik, ahli profesional dan pekerja biasa, para cendekiawan dan orang biasa, warganegara dan orang luar, dan sebagainya. Manakala sumber bukan manusia termasuklah semua keperluan yang digunakan untuk memastikan kuasa politik negara berada di dalam genggaman seperti sumber kewangan, media, agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, undang-undang, badan legislatif dan lain-lain.

Di dalam sistem demokratik, semua pihak mempunyai peluang yang sama untuk berada di puncak kepimpinan negara (Tanda X pada Rajah 1). Bagaimanapun, untuk berada di puncak kepimpinan itu, mereka perlu dapat menguasai kuasa dalaman gabungan mereka dan juga kuasa peringkat negara. Oleh itu kemenangan majoriti akan membolehkan mereka menguasai di mana-mana puncak kuasa, peringkat gabungan ataupun peringkat negara (rujuk Rajah 2).

Kuasa penuh dapat ditunjukkan melalui struktur bentuk piramid. Ia menggambarkan kedudukan hanya satu pihak berada di puncak kuasa dan menguasai jangkauan (span) yang semakin luas ke bawah. Contohnya, di bawah seorang pemimpin akan terdiri ahli majlis eksekutif parti, golongan atasan, golongan pertengahan dan rakyat biasa. Struktur bentuk piramid ini terpakai kepada kedua-dua kerangka, peringkat gabungan dan juga peringkat negara. Di peringkat negara, struktur kuasa penuh dapat direplikasikan kepada komposisi ahli dewan perwakilan, iaitu Dewan Rakyat di negara ini.

Setiap parti politik atau gabungan parti-parti politik perlu memastikan sesuatu kepimpinan mendapat majoriti sokongan untuk membolehkan ia menguasai puncak kuasa (Rajah 2). Ini untuk membolehkan segala strategi politik dan penguasaan sumber dikuasai oleh satu pihak sahaja. Sebaliknya keputusan yang seimbang atau tiada kemenangan majoriti akan menyebabkan strategi politik dan penguasaan sumber terpaksa dikongsi bersama pihak lawan. Keadaan ini boleh menyebabkan suasana politik dan kepimpinan menjadi sukar dan rumit. Keadaan ini boleh dikenali sebagai kepimpinan yang rosak (*leadership decay*). Kerosakan ini jika tidak dapat dipulihkan akan sampai ke akar umbi menyebabkan keadaan politik parti atau negara menjadi tidak stabil. Malahan akhirnya boleh menyebabkan wujudnya suasana politik yang tidak menentu. Rujuk Rajah 3.

Tanda Z pada Rajah 1 menunjukkan satu lagi keperluan bagi parti politik atau gabungan parti-parti politik untuk memastikan mereka mencapai penguasaan majoriti. Ia menunjukkan bagaimana peluang sama rata diubah menjadi penguasaan di puncak kepimpinan. Lebih penting lagi, struktur separuh piramid yang seimbang dalam konteks penguasaan 50-50 bahagian akan berubah kepada struktur majoriti-minoriti. Struktur majoriti-minoriti ini boleh menentukan jarak sesuatu gabungan kepada sumber-sumber yang diperlukan untuk menguasai kepimpinan sesuatu tahap, peringkat dalaman gabungan ataupun peringkat negara.



Rajah 4: Kedudukan Struktur Kuasa Pemerintahan Negara selepas Pilihan Raya Umum ke-12

### APLIKASI MODEL DALAM KONTEKS PILIHAN RAYA UMUM KE-12 DI MALAYSIA

Keputusan Pilihan Raya Umum Ke 12 yang lalu telah mewujudkan satu dimensi baru kepada lanskap politik negara ini (Rujuk Jadual 1 dan Rajah 4). Keputusan yang telah mengurangkan majoriti dua pertiga parti memerintah itu telah mengejutkan semua pihak. Gabungan parti yang memerintah terkejut dengan kehilangan keistimewaan yang mereka selalunya perolehi sejak negara mencapai kemerdekaan. Gabungan parti lawan pula terkejut dengan pencapaian yang tidak diduga sehingga tidak sempat bersedia dengan pelan alternatif kepimpinan di beberapa negeri yang berjaya ditawan.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, terdapat wakil-wakil rakyat yang masih tidak dapat mempercayai keputusan yang tercatat, hingga ada yang menyamakannya sebagai satu peluang seumur hidup (*a lifetime opportunity*). Gelagat beberapa Ahli Parlimen seperti mengadakan majlis ulang tahun hari jadi, membawa sahabat handai, kaum kerabat dan saudara mara ke Dewan Perwakilan itu menggambarkan manifestasi keadaan ini. Para pelabur luar dan peniaga tempatan turut terkejut dengan keputusan pilihan raya ini kerana terpaksa mencongak semula strategi perniagaan yang tidak

jelas di masa hadapan. Lebih merumitkan suasana ialah rakyat keseluruhan yang turut terkejut dengan satu dimensi baru politik yang belum pernah dialami oleh negara sebelum ini. Rakyat mungkin terperangkap dengan kepercayaan mereka kepada prinsip ‘kuasa rakyat’ dan ‘suara rakyat’. Kedua prinsip ini berada di dalam genggaman mereka untuk menentukan kepimpinan negara yang diingini tetapi mungkin tidak dapat dimanfaatkan lalu menghasilkan keputusan di luar jangkaan.

Keadaan ini sebenarnya tidak sukar difahami dengan berpandukan kepada Model Gabungan Kuasa dan Kemenangan Majoriti yang dianjurkan melalui kertas kerja ini.

Kedua-dua pihak sebenarnya berusaha untuk memastikan struktur bentuk piramid kuasa untuk lebih memihak kepada mereka dalam bentuk penguasaan majoriti. Kepentingan menguasai majoriti kuasa ini seperti digambarkan dalam bentuk piramid ialah untuk mendekatkan jarak penguasaan kepada sumber-sumber manusia dan bukan manusia yang akan menyokong penguasaan dalam kepimpinan negara. Ini jelas dengan berbagai debat tentang tuduhan oleh pembangkang bahawa pihak kerajaan menguasai beberapa institusi seperti Suruhanjaya Pilihanraya, pasukan polis, badan kehakiman dan media massa untuk kepentingan kerajaan.

Penguasaan majoriti akan membolehkan satu pihak melepas garis yang merentas puncak kepimpinan pada struktur piramid dalam model yang diutarakan (Tanda P dalam Rajah 1). Kedudukan ini menggambarkan parti memerintah masih menguasai puncak kepimpinan dan lebih hampir kepada sumber-sumber kuasa yang disebutkan. Rujuk RAJAH 4. Walau bagaimanapun, disebabkan kedudukan gabungan parti-parti yang bergabung itu agak tergugat, maka puncak piramid dilihat mula mengalami kerosakan (*decay*). Cengkaman di puncak piramid kuasa agak tergugat mungkin kerana seseorang individu pemimpin tidak dapat menguasai partinya dengan sepenuhnya.

Gabungan pembangkang menyedari keperluan menguasai majoriti untuk mengambil alih teraju pemerintahan negara, tetapi mungkin tidak menduga akan peluang mereka yang semakin hampir. Mereka mungkin terlupa kepada pepatah klasik yang disebut oleh ahli politik Prussia, Otto von Bismarck, yakni;

*‘politics is the art of possible’ (1815-1898)*

Oleh itu mereka tidak mempunyai Pelan B ke arah itu. Sekiranya mereka boleh menduga keputusan seperti ini akan berlaku, langkah-langkah awal akan diambil melalui *contingency* dan *conspiracy* secara serius. Keadaan ini juga dibantu dengan wujudnya pakatan yang rapuh dalam gabungan pembangkang. Salah satu punca *cooperation* yang lemah ialah perbezaan dari segi ideologi dan matlamat perjuangan parti-parti dalam gabungan itu. Ini dapat dilihat dengan langkah-langkah pakatan itu di saat akhir pembentukan kerajaan di beberapa negeri yang dapat dikuasai.

Struktur piramid di puncak kuasa pakatan pembangkang menunjukkan tidak adanya ‘seseorang’ pemimpin untuk menguasai gabungan alternatif itu. ‘Seseorang’ yang mungkin boleh menguasai puncak piramid kuasa pembangkang mungkin terperangkap dalam pelan *contingency* dan *conspiracy* gabungan parti yang memerintah. Dalam situasi ini *cooperation* pada gabungan parti yang memerintah dilihat terlebih dahulu merangka Pelan B sebagai *contingency* untuk menghadapi suasana yang tidak diduga akan berlaku itu.

Keputusan pilihan raya kali ini menunjukkan majoriti yang agak mudah dikuasai oleh parti yang memerintah. Ini menunjukkan jarak yang hampir sama dimiliki oleh gabungan pemerintah dan pembangkang kepada sumber-sumber penguasaan kuasa pemerintahan negara. Keadaan ini menyebabkan genggaman ke atas sumber-sumber berkenaan tidak kukuh. Keputusan untuk menggunakan sumber terpaksa dikongsi atau mendapat persetujuan gabungan pembangkang. Contohnya, proses untuk meluluskan rang undang-undang di Parlimen. Gabungan parti yang memerintah akan melalui suasana yang berbeza berbanding tatkala mereka memiliki penguasaan majoriti dua pertiga (*two third majority*) di masa lalu. Jarak jangkauan terhadap sumber-sumber penguasaan menggambarkan usaha-usaha yang terpaksa dibuat untuk mencapainya. Lebih jauh jarak dengan sumber, lebih kuat usaha yang terpaksa dibuat untuk mencapainya. Contohnya, terpaksa mengeluarkan sumber kewangan yang banyak. Sebaliknya, penguasaan keseluruhan struktur piramid kuasa menunjukkan penguasaan penuh terhadap sumber oleh sesuatu pihak, manakala satu pihak lagi tidak mempunyai kuasa di dalam kepimpinan berbentuk ‘kuasa mutlak’ (*absolute power*). Bagaimanapun, dalam sebuah negara demokratik, kepimpinan berbentuk ‘kuasa mutlak’ ini sukar berlaku kecuali segala sumber dapat dimanipulasi melalui kepimpinan berbentuk *authoritarian*. Sistem demokratik akan mewujudkan kumpulan-kumpulan yang menjadi ‘pengimbang dan pemeriksa’ (*check and balance*) agar mana-mana pihak tidak memperolehi kuasa mutlak bagi mengelakkan wujudnya suasana seperti disebut oleh seorang ahli sejarah Britain, Lord Acton melalui pepatah popularnya;

*‘Power corrupts, absolute power corrupts absolutely’ (1834-1902)*

## CADANGAN PENYELESAIAN

Di dalam sebuah negara demokratik, setiap individu dan kumpulan mempunyai peluang yang sama untuk berada di puncak kepimpinan kumpulan berkepentingannya, gabungannya, malahan di peringkat kepimpinan negara. Oleh itu, dengan merujuk kepada MODEL yang dianjurkan dalam kertas kerja ini, setiap individu yang mempunyai peluang yang sama itu perlu memastikan dia benar-benar dapat menguasai puncak pada struktur piramid kuasa. Dalam konteks pasca Pilihan Raya Umum Kedua Belas, beberapa cadangan perlu diberi perhatian.

Gabungan parti yang memerintah tidak lagi menikmati suasana selesa sepertimana mereka berada ketika menguasai majoriti dua pertiga kemenangan dalam beberapa pilihan raya sebelumnya. Bagaimanapun, mereka masih lagi menguasai puncak hirarki dalam struktur piramid pemerintahan negara. Oleh itu, langkah yang perlu diambil ialah dengan memastikan mereka mempunyai seorang ‘ketua’ yang berupaya untuk ‘memimpin’ sumber-sumber ke arah mencapai matlamat gabungan dan negaranya. Ketidakupayaannya untuk menguasai gabungannya sendiri akan menyebabkan kepimpinannya di puncak kuasa gabungan dan negara akan tergugat kerana berlaku kerosakan (*decay*) terhadap struktur piramid kuasa yang dipimpinnya. *Cooperation* dan *compromise* adalah langkah yang perlu untuk mengharmonikan *coalition* pada gabungannya, berbanding terpaksa ‘berkongsi’ dengan gabungan kuasa pihak lawan. Ia juga bagi mengelakkan daripada gabungan parti pemerintah daripada terpaksa menggunakan langkah-langkah alternatif (*contingency* dan *conspiracy*) yang biasanya penuh risiko dan melibatkan penggunaan sumber yang lebih besar (seperti kewangan, agensi-agensi kerajaan dan sebagainya).

Dalam masa yang sama, rakyat amat mengharapkan kerajaan yang memerintah untuk menyediakan perkhidmatan dan keperluan secara cekap dan berkualiti. Ini akan dapat dicapai apabila setiap perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan dibuat dengan penuh teliti. Ketelitian ini boleh berlaku jika setiap proses yang berlaku dapat disemak dan diimbang (*check and balance*) oleh satu pihak dari kepentingan yang berbeza. Dalam konteks pemerintahan negara, gabungan pembangkang masih diperlukan dalam proses politik yang berlaku untuk melaksanakan fungsi semak dan imbang ini. Oleh itu, semua pihak tidak perlu panik dengan pencapaian gabungan pembangkang selagi mereka menggunakan *platform* demokrasi dengan menggunakan cara-cara yang dibenarkan supaya ungkapan ‘politik itu kotor’ tidak menjadi satu konotasi yang biasa disebut dalam forum-forum atau mana-mana perbincangan awam.

Negara ini mempunyai satu tradisi di mana tiga kaum terbesar telah berjaya bergabung (*coalition*) untuk memegang tampuk kepimpinan negara melalui satu kerjasama (*coalition*) dan tolak ansur (*compromise*) yang terbentuk ketika negara mencapai kemerdekaan. Tiga kaum ini telah berkongsi ideologi untuk mencapai satu matlamat melalui langkah-langkah *cooperation* dan *compromise* tadi bagi memastikan mereka menguasai puncak piramid kuasa negara. Penguasaan ini mendekatkan jarak mereka kepada pelbagai sumber, meliputi sumber manusia dan sumber bukan manusia. Merujuk kepada struktur piramid, selain kerajaan, rakyat merupakan pihak yang hampir dengan sumber-sumber berkenaan. Sebab itu ianya dikenali sebagai ‘sumber-sumber awam’ (contohnya, wang awam atau harta benda awam). Kerajaan hanya diberi mandat untuk mengendalikannya melalui fungsi yang dinamakan akauntabiliti dan tidak boleh menyalahgunakannya. Oleh itu, mana-mana pihak yang ingin menguasai sumber-sumber awam perlu juga memenangi hati rakyat sebagai akar umbi (*grassroot*) kepada institusi dan ideologi mana-mana cabang politik (*political sect*). Perlu diingat bahawa tidak ada jalan singkat untuk mencapai matlamat kuasa dengan mengabaikan peranan dan kepentingan rakyat. Hanya pihak yang mengambil ‘jalan yang tidak dibenarkan’ biasanya akan dapat mengabaikan peranan dan kepentingan rakyat untuk mencapai matlamat kuasa mereka. Contohnya, mendapat ‘pembentukan atau bantuan pihak luar’ daripada kerangka struktur piramid pemerintahan negara. Pembentukan dan bantuan pihak luar ini boleh mendekatkan jarak di antara gabungan dan juga sumber-sumber awam. Keburukannya, apabila gabungan yang menggunakan cara ini telah dapat mencapai sumber-sumber awam, ia terpaksa digunakan untuk tujuan timbal balas atau membala budi kepada pihak yang membiayai atau membantu mereka sebelum ini. Pihak yang mengalami kerugian sudah tentulah rakyat atau orang awam yang menjadi mangsa percaturan kuasa pihak-pihak berkepentingan yang telah mereka amanahkan untuk mengawal sumber-sumber kepunyaan mereka.

## KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan bahawa Pilihan Raya Umum Kedua Belas yang lalu telah meninggalkan satu kesan yang signifikan kepada negara ini. Ia memberikan satu pengalaman kepada semua dan mencorakkan dimensi baru terhadap lanskap politik negara ini. Semua pihak yang berkepentingan juga merasakan satu kejutan akibat peralihan daripada suasana selesa yang sering dinikmati oleh gabungan parti yang memerintah sejak negara mencapai kemerdekaan sebelum ini.

Fenomena politik yang baru kepada rakyat ini sebenarnya boleh difahami jika kita memahami tentang asas-asas politik yang sentiasa menuju matlamat mendapatkan kuasa, kepentingan untuk

mempertahankan (*safeguard*) kuasa yang diperolehi, serta memastikan bagaimana dan untuk apa kuasa itu digunakan. Kertas kerja ini menjelaskan tentang asas-asas politik berkenaan yang digambarkan melalui keputusan Pilihan Raya Umum Ke 12 dengan satu model yang dinamakan Model Keperluan Gabungan Kuasa dan Kemenangan Majoriti. Melalui Model ini, enam faktor berkaitan, iaitu *Coalition, Cooperation, Compromise, Contingency, Conspiracy* dan *Consequences* yang menjadi asas satu sistem lengkap kepada proses-proses untuk mendapatkan kuasa telah dijadikan faktor penghubung (*moderator*) untuk menjelaskan fenomena yang berkenaan.

*Coalition* menjadi asas kepada matlamat untuk mendapatkan kuasa, manakala *Cooperation* dan *Compromy* menjadi kaedah perlaksanaan kepada kuasa dengan *Conspiracy* dan *Contingency* menjadi alternatif kepada perlaksanaan itu apabila kuasa yang diperolehi itu tergugat. Semua ini hanya dapat dilakukan dengan berasaskan kepada sejauhmana pihak yang memegang kuasa itu memiliki kuasa majoriti melalui mandat yang diberikan kepada mereka. Kesan-kesan ini dijelaskan melalui faktor *Consequences*, yang menggambarkan kesimpulan kepada fenomena yang telah berlaku.

## RUJUKAN

### Buku

- Katni Kamsono Kibat, (1988). *Asas Ilmu Politik*. Shah Alam: Penerbit Biroteks, ITM
- Ponton, Geoffrey, and Gill, Peter, (1982). *Introduction to Politics*. Oxford: Robertson
- Rodee, Carlton C., Anderson, Totton J., Christol, Carl Q., and Greene, Thomas H., (1983).  
*Intoduction to Political Science*. New York: McGraw-Hill
- Wikipedia Encyclopedia, retrieved on 20 September 2008 at [www.wikipedia.com](http://www.wikipedia.com)

### Laporan Akhbar

- Berita Harian*, (10 Mac 2008). Keputusan Penuh Pilihan Raya Kedua Belas
- British Broadcasting Corporation (BBC), retrieved on 22 September 2008 at [www.news.bbc.co.uk](http://www.news.bbc.co.uk)
- The Star*, (10 March 2008). 2008 General Election Results and Analysis
- Utusan Malaysia*, (10 Mac 2008). Analisis Pilihan Raya 2008
- Keputusan Penuh Pilihan Raya Umum Malaysia 2008

**LAMPIRAN A****Kedudukan Kerusi Dewan Rakyat yang Dimenangi pada Tahun 2008**

NEGERI	JUMLAH KERUSI	BN		PAS		DAP		PKR		JUMLAH
		CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	CLN	MTB	
PERLIS	3	3	0	0	0	0	0	0	0	3
KEDAH	15	4	0	6	0	0	0	5	0	15
KELANTAN	14	2	0	9	0	0	0	3	0	14
TERENGGANU	8	7	0	1	0	0	0	0	0	8
PULAU PINANG	13	2	0	0	0	7	0	4	0	13
PERAK	24	13	0	2	0	6	0	3	0	24
PAHANG	14	12	0	0	0	0	0	2	0	14
SELANGOR	22	5	0	4	0	4	0	9	0	22
W.P. KUALA LUMPUR	11	1	0	1	0	5	0	4	0	11
W.P. PUTRAJAYA	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1
N. SEMBILAN	8	5	0	0	0	2	0	1	0	8
MELAKA	6	5	0	0	0	1	0	0	0	6
JOHOR	26	24	1	0	0	1	0	0	0	26
W.P. LABUAN	1	1	0	0	0	0	0	0	0	1
SABAH	25	22	2	0	0	1	0	0	0	25
SARAWAK	31	25	5	0	0	1	0	0	0	31
JUMLAH	222	132	8	23	0	28	0	31	0	222